

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
[SETIU - BN]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN (NO. 86)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program pelan tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi membangunkan sukan berimpak tinggi dan mempunyai potensi mendapat pingat di kejohanan Antarabangsa terutamanya di kalangan atlet-atlet pelapis.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah mula melaksanakan program pembangunan atlet pelapis yang lebih berstruktur di peringkat Kebangsaan, Serantau dan Negeri di seluruh negara sejak tahun 2007 yang memberi tumpuan kepada pembangunan 19 jenis sukan teras iaitu sukan-sukan yang dikenali mampu menyumbang pingat di temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Kesenambungannya, seramai 70 atlet dari program Pelapis ini telah diserapkan ke dalam Program KITA JUARA 2017 iaitu program persediaan atlet yang mensasarkan Juara Keseluruhan Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.
2. Antara kejayaan atlet-atlet Pelapis negara di peringkat antarabangsa sejak mula dilaksanakan adalah seperti **Sukan Remaja Asia Singapura 2009** (1 pingat gangsa menerusi Mohd Amirul Syafiq Mat Jais – Pelayaran), **Sukan Olimpik Remaja Singapura 2010** (2 pingat Perak menerusi Pandelega Rinong –Terjun), **Sukan Remaja Asia Nanjing 2013** (4 pingat emas, 6 pingat perak dan 7 pingat gangsa), **Sukan Olimpik Remaja Nanjing 2014** (1 pingat emas, 2 pingat perak dan 1 pingat gangsa), **Sukan Remaja Komanwel Samoa 2015** (11 pingat emas, 3 pingat perak dan 3 pingat gangsa).

SULIT

3. Manakala Institut Sukan Negara (ISN) sedang mengendalikan Program Podium yang sememangnya merupakan transformasi proses penyediaan atlet yang lebih terperinci, menyeluruh dan saintifik untuk menangani *process losses* iaitu kegagalan pelaksanaan dan untuk meningkatkan *marginal gains* yang amat penting di peringkat sukan berprestasi tinggi bertaraf dunia.
4. Program Podium ini memberi penekanan kepada pengurusan latihan yang lebih profesional, khidmat sokongan yang lebih komprehensif, penjagaan hal ehwal dan kebajikan atlet yang lebih rapi, berdasarkan penanda aras bertaraf dunia serta meningkatkan taraf perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan.
5. Selain itu, pelbagai inovasi dan trend terbaru akan diterapkan secara berterusan bagi memastikan potensi atlet-atlet negara dimaksimakan sepenuhnya dengan menyediakan peralatan dan kepakaran termasuk melatih atlet melalui perkongsian pengetahuan. Keputusan prestasi atlet dijangka akan berada tahap terbaik setiap tahun dan keberkesanaan program podium ini dapat dilihat pada Sukan Asia 2018, Sukan Komanwel 2018 hingga ke Sukan Olimpik 2020.

Sekian, terima kasih.